

Sungai Tembeling lepassi paras amaran

Oleh **Asrol Awang** - Februari 26, 2022 @ 9:43am

bhnews@bh.com.my



Penduduk Kampung Kuala Sat di Ulu Tembeling semalam membantu menarik kereta kaki pancing yang hampir dihanyutkan arus deras Sungai Tembeling. - Foto pembaca

KUANTAN: Sungai Tembeling di Kampung Merting, Jerantut merekodkan bacaan air sungai melepasi paras amaran, pada jam 9 pagi ini, berikutan hujan lebat sejak kelmarin.

Menerusi laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras air sungai itu merekodkan bacaan 56.13 meter (m) berbanding paras amaran ditetapkan 56m.

Dua lagi sungai iaitu Sungai Tembeling di Kuala Tahan, Jerantut dan Sungai Keratong, Jalan Kota Bahagia di Rompin melepasi paras waspada, masing-masing pada 64.78m dan 9.58m.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan (bahaya, buruk dan waspada) di 11 daerah di Pahang.

Amaran hujan berterusan (bahaya) membabitkan tiga daerah iaitu Jerantut, Kuantan dan Pekan, amaran hujan berterusan (buruk) di Cameron Highlands, Lipis, Raub, Temerloh, Maran dan Rompin.

Amaran hujan berterusan (waspada) pula membabitkan Bentong dan Bera.